



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor – kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta yang masih sah dibenarkan membuat Sebut Harga dimana tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup sebut harga ini. Butiran sebut harga adalah seperti berikut:-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK SEBUTHARGA	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
PUO/SH/09/2024	Kerja – Kerja Naiktaraf Fizikal Bangunan Sedia Ada Kepada Makmal Kimia Untuk Keperluan Program Asasi TVET Di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di bawah Gred Pendaftaran G2, Kategori B/ Pengkhususan B04	29/04/2024 (Isnin) sebelum jam 12.00 tengahari (Dokumen yang dihantar lewat tidak akan dipertimbangkan)

2. Lawatan Tapak dan Taklimat Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya penama-penama yang bertauliah / wakil – wakil kontraktor yang sah sahaja dengan mengemukakan surat perwakilan kuasa dibenarkan untuk menghadiri Lawatan Tapak dan Taklimat Tapak. Bagi maksud ini, kontraktor – kontraktor hendaklah membawa dan mengemukakan Dokumen (Asal) dan Salinan bagi Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), SSM, Sijil MOF dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) semasa menghadiri Lawatan Tapak dan Taklimat Tapak bagi tujuan mendapatkan Dokumen Sebutharga. Kegagalan tuan/puan mengemukakan sijil tersebut boleh menyebabkan Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan. Lawatan Tapak dan Taklimat Tapak akan diadakan seperti ketetapan berikut:-
- 3.
- Tarikh : 5/04/2024 (Jumaat)
Masa : 8.30 pagi - 9.00 pagi (Pendaftaran)
 9.00 pagi (Jangkaan Taklimat Tapak)
Tempat : Dataran Premier, Politeknik Ungku Omar,
 Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak
Pegawai : En. Mohd Razif Bin Darul Aman (05 – 545 7622)
4. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga / Tender, Aras Bawah, Blok Pentadbiran, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak sebelum Tarikh Tutup Sebut Harga.
5. Politeknik Ungku Omar tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana – mana tawaran tertentu.

(Ts. Dr. IZWAN BINTI ISMAIL)

Timbalan Pengarah Akademik
Politeknik Ungku Omar
Politeknik Premier
Ipoh, Perak
Tarikh : 29 Mac 2024
Ruj Fail : PUO/SH/09/2024